

Bina hidup lebih baik: PM

BH 21 MAI 1991



KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa keharmonian dan kerjasama semua pihak — pekerja, majikan dan kerajaan — amat diperlukan dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju pada 2020.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan majikan jangan mengambil kesempatan daripada keharmonian industri di negara ini untuk menindas pekerja dan tidak memberi upah berpatutan.

Dalam masa yang sama, Perdana Menteri mahu fungsi kesatuan sekerja di negara ini

dikaji semula supaya arah perjuangannya selari dengan matlamat menjadikan Malaysia negara maju pada 2020.

Menurutnya, negara maju bukan semata-mata negara yang kaya dengan sektor industri, sebaliknya matlamat kerajaan ialah supaya rakyat keseluruhannya menikmati hidup lebih baik mulai sekarang.

"Pekerja dalam tahun 2020 akan menikmati kehidupan lebih selesa, tinggal di rumah sempurna, mempunyai perkas rumah yang sekarang ini hanya mampu dimiliki golongan pertengahan, mempunyai

kenderaan dan berupaya bercuti serta melancong," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan 'Amanat Hari Pekerja' di Perhimpunan Perpaduan Sempena Hari Pekerja 1991 di Stadium Negara hari ini yang dipenuhi oleh wakil pekerja serta majikan sektor awam dan swasta di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak suka melihat pekerja dibayar upah rendah dan pembayaran upah yang selaras dengan peningkatan daya pengeluaran

akan diberi perhatian serius.

"Kerajaan mahu melihat pendapatan pekerja meningkat asalkan tidak sehingga merugikan majikan atau menyekat majikan daripada melabur sebahagian daripada keuntungan mereka dalam perusahaan dan perniagaan yang boleh menambah peluang pekerjaan bagi rakyat yang bertambah 400,000 setahun.

"Itulah sebabnya kerajaan tidak akan membiarkan pengusaha dan peniaga menikmati keharmonian industri dan pe-

LIHAT MUKA 2

Fungsi kesatuan sekerja perlu dikaji

DALAM MUKA 1 MAY 1991

ningkatan produktiviti tanpa membalas budi pekerja," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, walau apapun dilakukan, yang menentukan daya pengeluaran meningkat ialah usaha pekerja sendiri dan kerana itu, 'Pekerja mesti bekerja lebih kuat, rajin, teratur dan disiplin. Di sinilah fungsi kesatuan sekerja perlu dikaji dan arah serta caranya ditentukan.'

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, punca kesatuan sekerja negara maju menjalin hubungan rapat dengan kesatuan sekerja negara pesat membangun sekarang bukan kerana mereka bersimpati dengan pekerja di negara berkenaan.

"Sebabnya ialah kerana mereka ingin mengurangkan daya saingan barangan dari negara ini dengan barangan keluaran mereka. Ini dapat mereka buat dengan menghasut pekerja di negara tertentu mengadakan tuntutan keterlaluan dan menyekat keluaran barangan melalui mogok dan tindakan perusahaan lain.

"Malangnya ada pemimpin kesatuan sekerja yang tertarik dengan layanan diberikan kepada mereka oleh kesatuan sekerja dari negara maju ini dan sanggup membelakangkan kepentingan negara dan pekerja sendiri dengan mengikut telunjuk pemimpin kesatuan sekerja asing.

"Pemilihan pemimpin kesatuan sekerja dari negara membangun untuk mengetuai gabungan kesatuan antarabangsa adalah bertujuan mempengaruhi iklim ekonomi di negara membangun tertentu. Ia bukan satu penghormatan," katanya.